

# Kewangan Sektor Awam

LAPORAN EKONOMI

# 4

## Operasi Fiskal 2004

*Strategi fiskal bercagak dua - menyokong aktiviti sektor swasta sambil mengawal defisit...*

**B**ajet 2004 telah digubal dalam keadaan ekonomi global yang dijangka lebih baik serta permintaan domestik yang semakin kukuh. Berikutan persekitaran yang bertambah baik dan penyertaan semula sektor swasta sebagai peneraju pertumbuhan, Kerajaan telah melaksanakan dasar fiskal yang lebih ketat dengan objektif untuk mengurangkan defisit di samping mengukuhkan persekitaran bagi membolehkan sektor swasta memainkan peranan yang lebih besar dalam menjana pertumbuhan. Pelaksanaan konsolidasi fiskal di samping dapat mengurangkan defisit, juga mengambil pendekatan untuk memastikan momentum pertumbuhan yang telah dipupuk sehingga kini tidak terjejas. Oleh itu, strategi bajet telah memberi tumpuan kepada mengekal dan menyokong sektor swasta sebagai enjin pertumbuhan ekonomi di samping terus mengurangkan defisit fiskal secara beransur-ansur kepada paras yang lebih terkawal dan mapan. Kedudukan kewangan yang lebih baik hasil daripada langkah ini, dijangka dapat memberi pilihan yang lebih fleksibel kepada Kerajaan dalam penggubalan dasar yang diperlukan.

Usaha konsolidasi fiskal mempunyai dua pendekatan iaitu memperkenalkan langkah-langkah untuk mempertingkatkan kutipan hasil dan memastikan kecekapan serta keberkesanan perbelanjaan. Kutipan hasil dan usaha pematuhan cukai dipertingkatkan lagi ke atas beberapa perniagaan dan profesion tertentu bagi meminimumkan kehilangan hasil dan pengelakan cukai. Memudahkan prosedur kerja serta menyemak semula proses tender dan perolehan lain adalah untuk mencapai pengurusan

kewangan yang baik bagi memastikan setiap perbelanjaan mendapat nilai sepenuhnya.

Perbelanjaan telah ditumpukan khususnya kepada program dan projek yang mampu menjana kesan berganda yang besar serta untuk meningkatkan keupayaan, di samping memenuhi matlamat sosio-ekonomi negara. Sebahagian besar perbelanjaan mengurus adalah untuk emolumen, terutamanya untuk para guru, doktor dan jururawat, iaitu mencerminkan penekanan ke atas pembangunan sumber manusia bagi mempertingkatkan daya saing negara serta perbelanjaan dan bayaran pindahan yang dapat memberi faedah kepada golongan miskin dan kurang bernasib baik. Bagi perbelanjaan pembangunan pula, fokus adalah untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing ekonomi pada jangka panjang.

Dengan pelaksanaan langkah konsolidasi fiskal, defisit keseluruhan Kerajaan Persekutuan dijangka terus menurun daripada 5.3% KDNK pada 2003 kepada 4.5% KDNK pada 2004. Keadaan ekonomi domestik yang menggalakkan serta kedudukan akaun semasa imbalan pembayaran yang kukuh akan terus meningkatkan kecairan dalam sistem perbankan dengan kadar faedah yang rendah. Oleh yang demikian, sebahagian besar keperluan pembiayaan Kerajaan boleh diperolehi daripada sumber domestik tanpa menjejaskan peluang sektor swasta untuk mendapatkan pinjaman atau meningkatkan tekanan inflasi kepada ekonomi. Walaupun hutang Kerajaan Persekutuan telah meningkat daripada RM188,767 juta pada 2003 kepada RM219,269 juta pada 2004, namun nisbahnya kepada KDNK kekal stabil di antara 48% hingga 50%. Yang nyata, sebahagian besar daripada hutang tersebut mempunyai kematangan jangka sederhana dan panjang dan dengan itu dapat mengurangkan risiko ketidaktentuan dalam jangka masa pendek.

## Kerajaan Persekutuan

### Defisit Kerajaan Persekutuan terus dengan tren menurun...

Kerajaan telah meneruskan polisi konsolidasi fiskal yang bermula pada 2001 selepas keadaan ekonomi global menunjukkan tanda pemulihan yang lebih nyata. Kerajaan Persekutuan dijangka mencatat defisit pada paras 4.5% KDNK, lebih rendah daripada 5.3% yang dicatatkan pada 2003, seperti di *Jadual 4.1*. Kedudukan fiskal yang lebih baik ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh kutipan hasil cukai dan bukan cukai yang lebih tinggi, termasuk pembayaran dividen daripada Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) serta pensekuritian pinjaman perumahan Kerajaan dan terimaan balik pinjaman yang lebih tinggi daripada Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan.


### Hasil

#### Langkah kutipan hasil yang lebih efisien diperkenalkan bagi meminimumkan kehilangan hasil dan pengelakan cukai...

Jumlah kutipan hasil tahun ini dianggarkan sebanyak RM96,917 juta, lebih tinggi berbanding RM95,154 juta yang diunjurkan pada September

CARTA 4.1

### Kewangan Kerajaan Persekutuan - Akaun Semasa



JADUAL 4.1

### Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan 2003-2005


	RM juta			Perubahan (%)		
	2003	2004 <sup>1</sup>	2005 <sup>2</sup>	2003	2004	2005
Hasil	92,608	96,917	99,030	10.9	4.7	2.2
Perbelanjaan mengurus	75,224	91,524	89,141	9.5	21.7	-2.6
<b>Baki semasa</b>	<b>17,384</b>	<b>5,393</b>	<b>9,889</b>	<b>17.3</b>	<b>-69.0</b>	<b>83.4</b>
Perbelanjaan pembangunan kasar	39,353	31,131	28,304	9.4	-20.9	-9.1
Tolak: Terimaan balik pinjaman	1,041	5,824	715	14.6	459.5	-87.7
Perbelanjaan pembangunan bersih	38,312	25,307	27,589	9.2	-33.9	9.0
<b>Baki keseluruhan</b>	<b>-20,928</b>	<b>-19,914</b>	<b>-17,700</b>	<b>3.3</b>	<b>4.8</b>	<b>11.1</b>
<b>% kepada KDNK</b>	<b>-5.3</b>	<b>-4.5</b>	<b>-3.8</b>			

<sup>1</sup> Anggaran disemak.

<sup>2</sup> Anggaran Bajet, tidak mengambil kira perubahan cukai 2005.

CARTA 4.2

### Peratusan Defisit/Lebih Keseluruhan Kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar



lepas, seperti di *Jadual 4.2*. Kutipan hasil yang lebih tinggi ini disebabkan peningkatan pendapatan pelaburan, terutamanya terimaan dividen dan pensekuritian pinjaman perumahan yang pada asasnya menukarkan pinjaman tersebut kepada sekuriti bersandarkan aset. Pensekuritian pinjaman perumahan Kerajaan bukan sahaja dapat mengurangkan defisit fiskal malah membantu mewujudkan keluk penanda aras kadar pulangan yang baru bagi sekuriti bersandarkan aset, terutamanya sekuriti yang diterbitkan oleh sektor swasta.

Hasil cukai dijangka meningkat 9% kepada RM70,759 juta daripada RM64,891 juta pada 2003 dengan cukai langsung menyumbangkan 47.9% daripada jumlah keseluruhan kutipan hasil (2003: 46.4%). Cukai pendapatan individu dijangka meningkat 0.7% sejajar dengan peningkatan prestasi ekonomi. Begitu juga, cukai pendapatan syarikat adalah lebih tinggi berikutan langkah pematuhan cukai yang lebih ketat dan keuntungan perniagaan yang lebih tinggi. Hasil daripada cukai pendapatan petroleum (PITA) adalah salah satu daripada penyumbang utama kepada cukai langsung, merangkumi 14.4% daripada jumlah hasil cukai. Berdasarkan kepada taksiran pendapatan tahun sebelumnya, PITA dijangka meningkat dengan ketara sebanyak

JADUAL 4.2

### Hasil Kerajaan Persekutuan 2003-2005


	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2003	2004 <sup>1</sup>	2005 <sup>2</sup>	2003	2004	2005	2003	2004	2005
Hasil cukai	64,891	70,759	71,142	-2.9	9.0	0.5	70.1	73.0	71.8
Cukai langsung	43,016	46,424	45,100	-3.0	7.9	-2.9	46.4	47.9	45.5
ay: Syarikat	23,990	24,511	21,265	-2.6	2.2	-13.2	25.9	25.3	21.5
Individu	7,984	8,042	8,786	-19.3	0.7	9.3	8.6	8.3	8.9
Cukai tidak langsung	21,875	24,335	26,042	-2.8	11.2	7.0	23.6	25.1	26.3
ay: Duti eksais	5,031	6,042	6,331	6.0	20.1	4.8	5.4	6.2	6.4
Cukai jualan	7,965	7,436	8,133	-13.8	-6.6	9.4	8.6	7.7	8.2
Hasil bukan cukai	27,717	26,158	27,888	66.4	-5.6	6.6	29.9	27.0	28.2
ay: Lesen/permit	6,634	7,262	7,636	12.8	9.5	5.2	7.2	7.5	7.7
Pendapatan pelaburan	15,201	16,399	17,369	82.0	7.9	5.9	16.4	16.9	17.5
<b>Jumlah hasil</b>	<b>92,608</b>	<b>96,917</b>	<b>99,030</b>	<b>10.9</b>	<b>4.7</b>	<b>2.2</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>
<b>% kepada KDNK</b>	<b>23.5</b>	<b>22.1</b>	<b>21.2</b>						

<sup>1</sup> Anggaran disemak.

<sup>2</sup> Anggaran Bajet, tidak mengambil kira perubahan cukai 2005. ay: antaranya.

CARTA 4.3

### Komponen Utama Hasil Kerajaan Persekutuan



20.1% pada 2004 selaras dengan peningkatan pengeluaran dan harga minyak pada 2003. Dari segi sumbangan kepada cukai syarikat mengikut sektor pada 2003, sektor perlombongan (termasuk PITA) menyumbang 28.5%, perkhidmatan 36.6%, pertanian dan perhutanan 4% serta pembuatan 12.3%.

**Cukai tidak langsung**, yang merangkumi 25.1% daripada jumlah hasil, dianggar meningkat 11.2% kepada RM24,335 juta (2003: -2.8%; RM21,875 juta), terutamanya disebabkan oleh peningkatan kutipan duti eksais. Semakan semula struktur duti eksais pada awal tahun ini ke atas kenderaan bermotor, bagi menggantikan kutipan duti import yang berkurangan berikutan pelaksanaan sepenuhnya Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA), akan menyumbang kepada kutipan duti eksais yang lebih tinggi.

Duti import dijangka meningkat sedikit iaitu 3% kepada RM4,036 juta pada 2004 (2003: 6.8%;

RM3,919 juta), selaras dengan tren liberalisasi perdagangan antarabangsa dan kehendak AFTA. Di samping semakan semula struktur duti ke atas kenderaan bermotor, duti import ke atas beberapa barangan terpilih seperti bateri komputer, barangan kayu dan plastik telah dikurangkan atau dihapuskan. Sebaliknya, duti eksport pula dijangka meningkat dengan ketara 36.9%, terutamanya berpunca daripada kutipan duti eksport petroleum yang lebih tinggi berikutan harga minyak mentah yang lebih baik.

Kutipan **hasil bukan cukai** dijangka berkurangan iaitu 5.6% kepada RM26,158 juta pada 2004 (2003: 66.4%; RM27,717 juta). Ini terutamanya disebabkan pengurangan terimaan dan pendapatan daripada jualan pelaburan Kerajaan dalam syarikat berkaitan kerajaan (GLCs) terpilih. Kutipan hasil bukan cukai lain seperti bayaran untuk lesen dan permit juga dianggarkan kekal pada paras tahun sebelumnya.

Sepanjang tahun ini, usaha diteruskan untuk meningkatkan pentadbiran cukai dan keupayaan penguatkuasaan. Pemeriksaan dan audit cukai telah dilaksanakan untuk memastikan pematuhan yang lebih tinggi dan mengelak cukai. Dengan semua usaha ini, sebanyak 834,000 fail cukai baru telah dibuka dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini. Anti penyeludupan dan langkah mencegah pengelakan cukai juga dilaksanakan bagi meminimumkan kehilangan hasil dan meningkatkan kekukuhan hasil cukai. Sehubungan ini, pelaksanaan pelekat khas atau banderol rokok yang berkuatkuasa semenjak Ogos 2004 serta pemasangan mesin pengimbas pada pintu masuk telah mengurangkan pengelakan cukai dan meningkatkan kutipan hasil keseluruhan. Di samping itu, mesin pengimbas ini juga dapat membantu mengesan barangan import terlarang dan meningkatkan kawalan keselamatan.

## Perbelanjaan

*Perbelanjaan berasaskan prinsip keberkesanan kos, nilai perbelanjaan dan keutamaan projek ...*


Perbelanjaan bajet terus ditumpukan kepada sektor yang dapat meningkatkan keupayaan untuk

meningkatkan produktiviti dan kecekapan serta ditumpukan kepada sektor utama seperti pertanian, pembangunan luar bandar, pendidikan dan kesihatan. Untuk menghasilkan nilai maksimum, projek yang mempunyai rantaian dan kesan berganda yang tinggi kepada ekonomi telah diberi keutamaan. Sebagai memenuhi tanggungjawab sosial, Kerajaan Persekutuan juga memperuntukkan geran kepada kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan yang bertujuan untuk pembangunan luar bandar dan pengurangan kemiskinan. Jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan dianggarkan sebanyak RM122,655 juta pada 2004, meningkat 7.1% daripada tahun sebelumnya.

**Perbelanjaan mengurus** dijangka meningkat 21.7% kepada RM91,524 juta (2003: 9.5%; RM75,224 juta), seperti di *Jadual 4.3*. Sebahagian besar peningkatan ini adalah untuk bekalan dan perkhidmatan, subsidi dan bayaran pulangbalik. Bayaran untuk bekalan dan perkhidmatan dijangka meningkat dengan ketara sebanyak 29.8% kepada RM18,133 juta, terutamanya untuk penyelenggaraan dan membaikpulih, sewaan dan bayaran perkhidmatan profesional sebagai sebahagian daripada usaha berterusan Kerajaan untuk meningkatkan kualiti dan kecekapan

CARTA 4.4

### Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan



JADUAL 4.3

### Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan Mengikut Objek 2003-2005

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2003	2004 <sup>1</sup>	2005 <sup>2</sup>	2003	2004	2005	2003	2004	2005
Emolumen	21,721	21,814	22,241	7.3	0.4	2.0	28.9	23.8	25.0
Bayaran khidmat hutang	10,546	11,655	13,300	9.1	10.5	14.1	14.0	12.7	14.9
Pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri	2,125	2,960	3,089	-16.1	39.3	4.4	2.8	3.2	3.4
Pencen dan ganjaran	5,870	6,174	6,227	14.3	5.2	0.9	7.8	6.8	7.0
Bekalan dan perkhidmatan	13,968	18,133	18,790	24.0	29.8	3.6	18.6	19.8	21.1
Subsidi	2,679	6,250	5,341	-27.1	133.3	-14.5	3.6	6.8	6.0
Pemberian kepada badan-badan berkanun <sup>3</sup>	6,844	7,153	7,770	7.6	4.5	8.6	9.1	7.8	8.7
Bayaran balik	2,657	5,113	322	48.3	92.4	-93.7	3.5	5.6	0.4
Lain-lain	8,814	12,272	12,061	9.3	39.2	-1.7	11.7	13.5	13.5
<b>Jumlah</b>	<b>75,224</b>	<b>91,524</b>	<b>89,141</b>	<b>9.5</b>	<b>21.7</b>	<b>-2.6</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>
<b>% kepada KDNK</b>	<b>19.1</b>	<b>20.9</b>	<b>19.1</b>						

<sup>1</sup> Anggaran disemak.

<sup>2</sup> Anggaran Bajet, tidak mengambil kira perubahan cukai 2005.


<sup>3</sup> Termasuk emolumen.

perkhidmatan awam. Jumlah bayaran subsidi adalah lebih tinggi iaitu meningkat 133.3% kepada RM6,250 juta (2003: -27.1%; RM2,679 juta), sebahagian besarnya adalah untuk menstabilkan harga runcit produk petroleum dalam negara, berikutan peningkatan tinggi harga minyak mentah di pasaran dunia. Perbelanjaan pulangbalik juga dijangka meningkat dengan ketara disebabkan oleh peruntukan untuk membayar balik lebih cukai yang dipungut pada tahun-tahun sebelum 2004. Pelaksanaan sistem taksiran tahun semasa yang memerlukan bayaran cukai dibuat terlebih dahulu, telah menyebabkan beberapa lebih bayaran cukai.

Peningkatan yang lebih kecil dijangka bagi emolumen, pencen dan ganjaran. Emolumen yang merupakan komponen terbesar perbelanjaan mengurus dijangka meningkat sedikit. Lebih separuh daripada emolumen adalah untuk gaji guru, doktor dan jururawat. Bayaran pencen dan ganjaran pula mencatat RM6,174 juta iaitu peningkatan kecil sebanyak 5.2% (2003: RM5,870 juta; 14.3%). Bayaran khidmat hutang adalah lebih tinggi namun sumbangannya kepada jumlah perbelanjaan mengurus yang kini merupakan komponen ketiga terbesar, dikawal pada paras 12.7% (2003: 14%). Daripada keseluruhan jumlah bayaran khidmat hutang, 84.7% atau RM9,867 juta adalah untuk membayar khidmat hutang domestik.

Pada tahun ini Kerajaan juga telah menyusun dan menstruktur semula beberapa kementerian seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia serta Kementerian Perusahaan Utama dan menubuhkan beberapa kementerian baru seperti Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, untuk menyelaras semula fungsi kementerian tersebut supaya lebih sesuai dengan peranan dan tanggungjawab masing-masing. Implikasi kos daripada penstruktur semula agensi tersebut telah dikawal agar tidak melebihi bajet melalui penyusunan semula dan pengoptimuman sumber-sumber sedia ada.

**Perbelanjaan pembangunan** dijangka menurun 20.9% kepada RM31,131 juta pada 2004, seperti di *Jadual 4.4*, selaras dengan objektif Kerajaan untuk mengurangkan defisit serta berikutan projek yang telah disiapkan dan pelaksanaan projek yang dipercepatkan pada tiga



tahun pertama Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) sebagai sebahagian daripada langkah menjana pertumbuhan bagi mengelak kemelesetan ekonomi. Namun, jumlah ini telah merangkumi tambahan RM10 bilion yang menjadikan siling baru berjumlah RM170 bilion bagi memastikan kesinambungan projek sosial dan program pembangunan luar bandar. Perbelanjaan yang lebih kecil, walau bagaimanapun adalah mencukupi untuk mengekalkan momentum pertumbuhan ketika ini. Sebahagian besar perbelanjaan pembangunan adalah untuk projek berskala kecil, khususnya projek pertanian dan luar bandar, memperbaiki bekalan air dan meluaskan rangkaian jalan luar bandar bagi mempertingkatkan kualiti hidup kawasan desa.

Jumlah perbelanjaan untuk **sektor ekonomi** dianggarkan sebanyak RM13,385 juta, mewakili 43% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan pembangunan pada 2004 (2003: RM13,793 juta; 35%). Sub-sektor pengangkutan merangkumi



JADUAL 4.4

### Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan Mengikut Sektor 2003-2005

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2003	2004 <sup>1</sup>	2005 <sup>2</sup>	2003	2004	2005	2003	2004	2005
Perkhidmatan ekonomi	13,793	13,385	13,914	10.9	-3.0	4.0	35.0	43.0	49.2
ay: Pertanian dan pembangunan luar bandar	1,620	2,671	2,425	18.8	64.9	-9.2	4.1	8.6	8.6
Perdagangan dan perindustrian	3,456	1,629	1,790	-0.5	-52.9	9.9	8.8	5.2	6.3
Pengangkutan	7,354	7,014	7,452	36.2	-4.6	6.2	18.7	22.5	26.3
Perkhidmatan sosial	17,707	10,738	7,587	-1.9	-39.4	-29.3	45.0	34.5	26.8
ay: Pendidikan	10,193	4,494	2,817	-18.0	-55.9	-37.3	25.9	14.4	10.0
Kesihatan	2,681	2,646	1,089	78.4	-1.3	-58.8	6.8	8.5	3.8
Perumahan	1,928	1,320	1,729	6.6	-31.5	31.0	4.9	4.2	6.1
Keselamatan	6,029	4,338	3,046	39.1	-28.0	-29.8	15.3	13.9	10.8
Pentadbiran am	1,824	2,670	3,757	56.2	46.4	40.7	4.7	8.6	13.2
<b>Jumlah</b>	<b>39,353</b>	<b>31,131</b>	<b>28,304</b>	<b>9.4</b>	<b>-20.9</b>	<b>-9.1</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>
<b>% kepada KDNK</b>	<b>10.0</b>	<b>7.1</b>	<b>6.1</b>						

<sup>1</sup> Anggaran disemak.

<sup>2</sup> Anggaran Bajet.  
ay: antaranya.

bahagian terbesar iaitu 22.5% atau berjumlah RM7,014 juta, terutamanya untuk pembinaan dan penaiktarafan jalan raya, jambatan, pelabuhan dan lapangan terbang seperti Lebuhraya Pantai Timur Karak, Jalan Kelang Lama, Lapangan Udara Bario dan Long Akhar serta Lapangan Terbang Bintulu. Perbelanjaan untuk pertanian dan pembangunan luar bandar dijangka meningkat dengan ketara sebanyak 64.9% kepada RM2,671 juta, berikutan langkah penumpuan semula Kerajaan untuk terus memodenkan sektor pertanian menjadi suatu sektor komersil yang menguntungkan, khususnya bagi industri pengeluaran makanan dan aktiviti hiliran serta meningkatkan taraf hidup di kawasan luar bandar. Perbelanjaan utiliti awam pula turut meningkat sebanyak 90.7% kepada RM1,754 juta (2003: -49.1%, RM920 juta), selaras dengan usaha Kerajaan untuk merapatkan jurang perbezaan antara bandar dan luar bandar dengan meningkatkan lagi kemudahan awam di luar bandar seperti bekalan elektrik, air dan telekomunikasi. Bagi sub-sektor perdagangan dan industri, 40.8% daripada perbelanjaan adalah

untuk pembangunan projek perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan pelancongan. Keutamaan diberikan kepada skim jaminan kredit dan skim penempatan semula PKS serta promosi projek eko-pelancongan dan penaiktarafan kemudahan infrastruktur pelancongan.

Sejumlah RM10,738 juta dibelanjakan untuk **perkhidmatan sosial** yang merupakan komponen kedua terbesar dalam perbelanjaan pembangunan. Perbelanjaan untuk sub-sektor pendidikan dijangka lebih rendah pada 2004, berikutan kebanyakan projek pendidikan di bawah RMKe-8 seperti sekolah satu sesi, makmal komputer, politeknik serta universiti telah siap. Walau bagaimanapun, perbelanjaan mengurus bagi sektor ini adalah tinggi, terutamanya bagi menampung peningkatan gaji guru selaras dengan usaha Kerajaan memberi penekanan kepada kualiti pendidikan seperti meningkatkan nisbah guru-pelajar. Bagi memberi perkhidmatan kesihatan yang lebih berkualiti serta menyediakan lebih banyak peluang untuk menikmati perkhidmatan perubatan, sejumlah RM2,646 juta

dibelanjakan, terutamanya untuk perkhidmatan kesihatan di kawasan luar bandar, penaiktarafan hospital dan klinik serta pembinaan hospital baru di Serdang, Sungai Buloh dan Temerloh. Di samping itu, sebahagian daripada perbelanjaan adalah juga untuk membeli peralatan dan mesin penjagaan kesihatan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan dalam negara. Sejumlah RM1,320 juta adalah untuk sektor perumahan pada 2004, di mana RM669 juta adalah untuk perumahan angkatan tentera dan polis, terutamanya di Lembah Kelang, Kuching, Kinarut, Pontian dan Batu Uban, sementara yang selebihnya akan dibelanjakan untuk perumahan awam kos rendah dan sederhana yang dilaksanakan di bawah program Perumahan Rakyat dan Perumahan Rakyat Bersepadu. Selain itu, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), sebuah syarikat berkaitan Kerajaan juga terlibat dalam pembinaan rumah kos rendah dengan menggunakan sumber kewangan sendiri. Sepanjang tahun ini, SPNB dijangka membina sebanyak 18,194 unit rumah, di mana 11,842 unit adalah dalam peringkat akhir pembinaan. Perbelanjaan untuk **pentadbiran am** berjumlah RM2,670 juta, sebahagian besarnya ditumpukan kepada penaiktarafan peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta pembelian kelengkapan dan peralatan untuk bangunan Kerajaan yang baru.

## Pembiayaan

**Semua pinjaman baru daripada sumber tempatan...**

Jumlah pinjaman kasar Kerajaan Persekutuan pada 2004 dianggarkan sebanyak RM47,155 juta berbanding dengan RM44,994 juta pada 2003. Dana yang diperolehi adalah untuk membiayai defisit serta penebusan hutang sedia ada yang matang. Berikutan kelebihan kecairan dalam sistem perbankan yang tinggi, sebahagian besar daripada pinjaman tersebut yang dijangka berjumlah RM45,850 juta, akan diperolehi daripada sumber domestik iaitu melalui penerbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK), seperti di *Jadual 4.5*. Daripada jumlah tersebut, RM16,100 juta adalah terbitan baru, manakala bakinya merupakan terbitan semula sekuriti sedia

JADUAL 4.5



### Pembiayaan Kerajaan Persekutuan 2003-2004

	RM juta		Bahagian (%)	
	2003	2004 <sup>1</sup>	2003	2004
<b>Pinjaman kasar</b>	<b>44,994</b>	<b>47,155</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>
<b>Dalam negeri</b>	<b>41,850</b>	<b>45,850</b>	<b>93.0</b>	<b>97.2</b>
Terbitan pelaburan	2,000	4,100	4.4	8.7
Sekuriti kerajaan	39,850	41,750	88.6	88.5
<b>Luar negeri</b>	<b>3,144</b>	<b>1,305</b>	<b>7.0</b>	<b>2.8</b>
Pinjaman pasaran	1,437	-	3.2	-
Pinjaman projek	1,707	1,305	3.8	2.8
<b>Bayaran balik</b>	<b>25,453</b>	<b>21,234</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>
Dalam negeri	18,600	20,200	73.1	95.1
Luar negeri	6,853	1,034	26.9	4.9
<b>Pinjaman bersih</b>	<b>19,541</b>	<b>25,921</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>
Dalam negeri	23,250	25,650		
Luar negeri	-3,709	271		
<b>Perubahan harta</b>	<b>1,387</b>	<b>-6,007</b>		
<b>Jumlah</b>	<b>20,928</b>	<b>19,914</b>		

<sup>1</sup> Anggaran.

CARTA 4.6

### Bayaran Pokok, Penebusan dan Bayaran Faedah ke atas Hutang Kerajaan Persekutuan




<sup>1</sup> Anggaran.



CARTA 4.7

### Komposisi Pinjaman Kerajaan Persekutuan pada 2004



ada. Seperti pada masa lalu, dengan hasil lebih daripada mencukupi untuk menampung perbelanjaan mengurus, pinjaman adalah hanya untuk membiayai perbelanjaan pembangunan.

Sepanjang tahun ini, Kerajaan dijangka menerbitkan lima SKM baru dan menerbitkan semula sembilan SKM sedia ada. Jumlah yang diperolehi daripada terbitan baru sebanyak RM12,000 juta, adalah melalui tender terbuka dan tawaran persendirian. Sejumlah RM29,750 juta dijangka diperolehi daripada terbitan semula SKM sedia ada. Pada 2004, SKM dengan kematangan lima dan sepuluh tahun diterbitkan dengan kadar kupon antara 4.3% hingga 6.8% setahun, manakala bagi kematangan 15 tahun kadarnya adalah 5.7%. Kadar SKM yang diterbitkan pada 2003 dengan tempoh kematangan yang sama adalah antara 3.7% hingga 7.6%. Daripada baki keseluruhan SKM pada Jun 2004, 29.8% mempunyai kematangan kurang daripada tiga tahun, 28.4% lebih daripada tiga dan kurang

daripada lima tahun, manakala selebihnya 41.8% lebih daripada lima tahun. Profil SKM menunjukkan bahawa kematangan diagihkan dengan rata bagi mengelak risiko longgokan kematangan hutang.

Selaras dengan objektif untuk mengurangkan hutang luar dan meminimumkan pendedahan kepada risiko luaran, tiada pinjaman luar yang baru dijangka akan diperolehi pada tahun ini melainkan pengeluaran pinjaman projek sedia ada. Sejumlah RM1,305 juta dianggarkan diperolehi daripada sumber dua hala dan pelbagai hala bagi membiayai projek pendidikan dan latihan, penaiktarafan dan pemulihan bekalan air, pembinaan landasan, pembasmian kemiskinan serta dana modal teroka ICT. Hutang luar Kerajaan Persekutuan dijangka menurun kepada RM35,499 juta atau 8.1% KDNK pada akhir 2004 (2003: RM37,284 juta; 9.5% KDNK), berikutan pembayaran balik pinjaman luar berjumlah RM1,034 juta.

## Hutang

### *Hutang luar lebih rendah...tiada pinjaman luar baru oleh Kerajaan Persekutuan...*

Kedudukan keseluruhan hutang Kerajaan Persekutuan dijangka terus bertambah baik dengan peratusan hutang kepada KDNK menurun kepada 50% pada akhir 2004, lebih rendah berbanding purata 53.6% yang dicatatkan bagi tempoh 1988-2003. Begitu juga, nisbah hutang luar negara kepada KDNK dijangka menurun kepada 44.3% (akhir tahun 2003: 47.3%).

Jumlah **hutang Kerajaan Persekutuan** dianggarkan meningkat kepada RM219,269 juta, dengan hutang domestik merangkumi 83.8% daripada jumlah tersebut, seperti di *Jadual 4.6*. Walaupun paras hutang telah meningkat pada tahun-tahun kebelakangan ini, keupayaan membayar khidmat hutang Kerajaan Persekutuan kekal kukuh. Jumlah bayaran khidmat hutang sebagai peratusan perbelanjaan mengurus dan hasil masing-masing dijangka kekal pada paras yang rendah iaitu 12.7% dan 12% (2003: 14% dan 11.4%). Dengan sebahagian besar pinjaman

pada kadar faedah tetap, pendedahan kepada risiko berhubung kenaikan kadar faedah pada masa hadapan adalah minimum.

**Hutang luar negara** yang merangkumi kesemua hutang luar jangka pendek, sederhana dan panjang bagi Kerajaan Persekutuan, Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) dan sektor swasta dijangka menurun sedikit kepada RM194,258 juta atau 44.3% KDNK, dengan Kerajaan Persekutuan terus mengurangkan pergantungan kepada pinjaman luar, seperti di *Jadual 4.7*. Sebahagian besar hutang luar negara terdiri daripada hutang yang berkematangan jangka masa sederhana dan panjang dengan hutang jangka pendek hanya merangkumi 21.4% daripada jumlah keseluruhan. Nisbah rizab antarabangsa kepada hutang jangka pendek, satu ukuran kemampuan rizab untuk membayar balik hutang jangka pendek adalah lebih daripada mencukupi untuk menampung lima kali hutang tersebut pada 14 Ogos 2004. Nisbah khidmat hutang luar iaitu ukuran bayaran balik pokok dan faedah berbanding eksport barangan dan perkhidmatan negara, dijangka kekal rendah pada kadar 4.6%, mencerminkan kemapanan pendapatan eksport untuk membayar hutang luar.

JADUAL 4.6

### Hutang Kerajaan Persekutuan 2003-2004

	RM juta		Bahagian (%)		KDNK (%)	
	2003	2004 <sup>1</sup>	2003	2004	2003	2004
<b>Hutang dalam negeri</b>	<b>151,483</b>	<b>183,770</b>	<b>80.2</b>	<b>83.8</b>	<b>38.4</b>	<b>41.9</b>
Bil Perbendaharaan	4,320	4,320	2.3	2.0	1.1	1.0
Terbitan pelaburan	7,000	9,100	3.7	4.1	1.7	2.1
Sekuriti kerajaan	130,800	154,350	69.3	70.4	33.2	35.2
Tabung pinjaman perumahan	9,363	16,000	4.9	7.3	2.4	3.6
<b>Hutang luar</b>	<b>37,284</b>	<b>35,499</b>	<b>19.8</b>	<b>16.2</b>	<b>9.5</b>	<b>8.1</b>
Pinjaman pasaran	28,189	25,695	15.0	11.7	7.2	5.9
Pinjaman projek	9,095	9,804	4.8	4.5	2.3	2.2
<b>Jumlah</b>	<b>188,767</b>	<b>219,269</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>47.9</b>	<b>50.0</b>

<sup>1</sup> Anggaran.

JADUAL 4.7

### Hutang Negara 2003-2004

	RM juta		Bahagian (%)		KDNK (%)	
	2003	2004 <sup>1</sup>	2003	2004	2003	2004
<b>Hutang jangka sederhana dan panjang</b>	<b>152,808</b>	<b>152,599</b>	<b>82.0</b>	<b>78.6</b>	<b>38.8</b>	<b>34.8</b>
Sektor awam	96,826	97,692	52.0	50.3	24.6	22.3
Kerajaan Persekutuan	37,284	35,499	20.0	18.3	9.5	8.1
PABK	59,542	62,193	32.0	32.0	15.1	14.2
Dijamin	10,970	17,681	5.9	9.1	2.8	4.0
Tidak dijamin	48,572	44,512	26.1	22.9	12.3	10.1
Sektor swasta	55,982	54,907	30.0	28.3	14.2	12.5
<b>Hutang jangka pendek</b>	<b>33,536</b>	<b>41,659</b>	<b>18.0</b>	<b>21.4</b>	<b>8.5</b>	<b>9.5</b>
<b>Jumlah</b>	<b>186,344</b>	<b>194,258</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>47.3</b>	<b>44.3</b>

<sup>1</sup> Anggaran.


## Kerajaan Negeri

### *Kedudukan kewangan kerajaan negeri kekal mapan...*

Kedudukan kewangan kerajaan negeri disatukan dijangka mencatat defisit lebih besar, berikutan peningkatan tinggi perbelanjaan berbanding kutipan hasil keseluruhan. Jumlah hasil dijangka meningkat pada kadar 13.9% kepada RM9,727 juta pada tahun ini dengan 80% daripada hasil diperolehi daripada punca sendiri manakala selebihnya adalah daripada geran Kerajaan Persekutuan. Royalti petroleum dan perhutanan, premium dan cukai tanah serta keuntungan dan dividen daripada pelaburan kesemuanya menyumbang sejumlah 57.6% kepada sumber hasil sendiri kerajaan negeri. Punca hasil lain termasuk yuran daripada lesen dan permit, sewaan serta jualan barangan dan perkhidmatan. Selain itu, selaras dengan usaha yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan pentadbiran dan penguatkuasaan cukai, kerajaan negeri juga dijangka akan meningkatkan usaha kutipan hasil, terutamanya memberi tumpuan kepada tunggakan cukai taksiran dan bayaran tertunggak, termasuk mengenakan kaveat ke atas hartanah.

CARTA 4.8

### Hutang Luar Negeri Kerajaan Persekutuan Mengikut Mata Wang



<sup>1</sup> Anggaran.

Kerajaan negeri dijangka mencatatkan perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang lebih tinggi selaras dengan usaha untuk mempertingkatkan lagi kualiti kemudahan dan perkhidmatan awam kepada rakyat. Sama seperti Kerajaan Persekutuan, perbelanjaan mengurus kerajaan negeri dijangka meningkat 26.7% lebih tinggi berbanding perbelanjaan pembangunan sebanyak 10.6%. Perbelanjaan mengurus yang tinggi ini disebabkan oleh peningkatan emolumen dan bekalan dan perkhidmatan, manakala perbelanjaan untuk pertanian dan pembangunan luar bandar serta kemudahan awam dijangka menyumbang sebahagian besar daripada peningkatan perbelanjaan pembangunan.

Perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang lebih tinggi dijangka meningkatkan defisit keseluruhan kerajaan negeri kepada RM1,707 juta (2003: RM583 juta), seperti di *Jadual 4.8*. Seperti pada tahun-tahun lepas, defisit ini dibiayai oleh pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan dan penggunaan aset kewangan terkumpul kerajaan negeri.

JADUAL 4.8

### Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri Disatukan 2003-2004

	RM juta		Perubahan (%)	
	2003	2004 <sup>1</sup>	2003	2004
<b>Akaun semasa</b>				
Hasil	8,541	9,727	2.4	13.9
Perbelanjaan mengurus	5,307	6,724	4.3	26.7
Baki akaun semasa	3,234	3,003	-0.5	-7.1
<b>Akaun pembangunan</b>				
Perbelanjaan pembangunan kasar	4,362	4,826	4.8	10.6
Kumpulan wang pembangunan	3,969	4,420	7.7	11.4
Kumpulan wang bekalan air	393	406	-17.4	3.3
Terimaan balik pinjaman	545	116	40.1	-78.7
Perbelanjaan pembangunan bersih	3,817	4,710	1.2	23.4
<b>Baki keseluruhan</b>	<b>-583</b>	<b>-1,707</b>	<b>-11.9</b>	<b>-192.8</b>
<b>% kepada KDNK</b>	<b>-0.1</b>	<b>-0.4</b>		

<sup>1</sup> Anggaran disemak.

## Sektor Kerajaan

### *Kedudukan kewangan sektor kerajaan bertambah baik...*

Kedudukan kewangan sektor kerajaan, yang merangkumi akaun Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan badan berkanun yang disatukan selepas mengambil kira pindahan dan pinjaman bersih antara entiti-entiti tersebut, dijangka menunjukkan defisit sebanyak RM20,605 juta atau 4.7% KDNK, lebih rendah berbanding 2003. Walau bagaimanapun, defisit ini besar sedikit daripada defisit Kerajaan Persekutuan yang berjumlah RM19,914 juta atau 4.5% KDNK. Defisit sektor kerajaan disatukan yang lebih tinggi ini adalah disebabkan pindahan Kerajaan Persekutuan yang lebih kecil berbanding jumlah defisit yang dicatat oleh badan berkanun, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan.

## Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK)

### *Kedudukan kewangan PABK terus kukuh...lebih berterusan...*

Kedudukan kewangan keseluruhan PABK dijangka terus kukuh dengan mencatat lebihan sebanyak RM18,297 juta, iaitu meningkat 12.4% (2003: RM16,278 juta; 22.3%). Ini merupakan lima tahun berturut-turut PABK mencatat lebihan, mencerminkan keuntungan yang meningkat dan selaras dengan ekonomi global dan domestik yang bertambah baik. Prestasi hasil yang lebih tinggi berjumlah RM162,495 juta atau peningkatan 4.3% adalah sebahagian besarnya disumbang oleh PABK utama, berikutan peningkatan penggunaan elektrik, jualan perkhidmatan telekomunikasi serta harga minyak mentah dan gas asli yang lebih tinggi, seperti di *Jadual 4.10*.

Perbelanjaan mengurus PABK secara keseluruhan dijangka meningkat 11.4% kepada RM110,744 juta (2003: 22.8%; RM99,429 juta), selaras dengan peningkatan kos bahan mentah dan input, penaiktarafan teknologi serta kenaikan kos pengeluaran. Sebaliknya, perbelanjaan modal adalah lebih rendah iaitu berjumlah RM33,454

JADUAL 4.9

### Kedudukan Kewangan Sektor Kerajaan Disatukan 2003-2005

	RM juta			Perubahan (%)		
	2003	2004 <sup>1</sup>	2005 <sup>2</sup>	2003	2004	2005
<b>Akaun semasa</b>						
Hasil	107,055	112,904	115,139	8.3	5.5	2.0
Perbelanjaan mengurus	84,163	102,291	100,170	10.1	21.5	-2.0
<b>Baki akaun semasa</b>	<b>22,892</b>	<b>10,613</b>	<b>14,969</b>	<b>2.0</b>	<b>-53.6</b>	<b>41.0</b>
Perbelanjaan pembangunan	43,860	31,218	32,937	9.1	-28.8	5.5
<b>Baki keseluruhan</b>	<b>-20,968</b>	<b>-20,605</b>	<b>-17,968</b>	<b>18.1</b>	<b>1.7</b>	<b>12.8</b>
<b>% kepada KDNK</b>	<b>-5.3</b>	<b>-4.7</b>	<b>-3.9</b>			

<sup>1</sup> Anggaran disemak.

<sup>2</sup> Anggaran Bajet, tidak mengambil kira perubahan cukai 2005.

juta (2003: RM40,160 juta) disebabkan perbelanjaan modal pada lazimnya adalah bersifat berlonggok dan pergantungan yang lebih kepada punca luar untuk membesar kapasiti. Kebanyakan projek pembangunan dilaksanakan oleh PABK utama seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB), Telekom Malaysia Berhad (TMB) dan PETRONAS serta subsidiari utamanya bagi meningkatkan kapasiti dan produktiviti. Perbelanjaan pembangunan utama TNB terus ditumpukan

kepada penaiktarafan dan pengembangan rangkaian transmisi serta kapasiti janakuasa antaranya termasuk Stesen Kuasa Tuanku Jaafar di Port Dickson dan projek *Cameron Highland-Batang Padang Hydroelectric*. Bagi TMB pula, projek utama yang bertujuan untuk mengembangkan infrastruktur dan perkhidmatan sokongan data adalah seperti *Digitaline II-Fasa 7, Asymmetrical Digital Subscriber Line (ADSL) - Streamyx ports, Asia Pacific Cable Network* dan sistem kabel untuk Asia Tenggara, Timur Tengah dan Eropah Barat.

PETRONAS terus menyalurkan perbelanjaan modal untuk mengembangkan kapasiti dalam dan luar negeri. Sebahagian besar perbelanjaan modal dalam negeri diperuntukkan untuk melaksanakan perjanjian perkongsian pengeluaran yang baru. Pertumbuhan yang tinggi bagi perbelanjaan pembangunan juga dicatatkan untuk projek carigali dan pengeluaran di Mesir, Vietnam, Myanmar, Indonesia dan Chad.

Dalam aktiviti hulu, beberapa projek pembangunan yang dijangka dilaksanakan termasuklah projek *West Delta Deep Marine (WDDM)*, projek minyak Tapis-F, projek medan minyak di Blok PM3 yang dibangunkan di bawah

JADUAL 4.10

### Kedudukan Kewangan PABK Disatukan<sup>1</sup> 2003-2004

	RM juta		Perubahan (%)	
	2003	2004 <sup>2</sup>	2003	2004
Hasil	155,867	162,495	23.2	4.3
Perbelanjaan semasa	99,429	110,744	22.8	11.4
<b>Pendapatan tertangguh</b>	<b>56,438</b>	<b>51,751</b>	<b>23.7</b>	<b>-8.3</b>
<b>% kepada KDNK</b>	<b>14.3</b>	<b>11.8</b>		
Perbelanjaan pembangunan	40,160	33,454	24.3	-16.7
<b>Baki keseluruhan</b>	<b>16,278</b>	<b>18,297</b>	<b>22.3</b>	<b>12.4</b>
<b>% kepada KDNK</b>	<b>4.1</b>	<b>4.2</b>		

<sup>1</sup> Merujuk kepada 34 PABK.

<sup>2</sup> Anggaran disemak.

Persetujuan Komersil PETRONAS dengan Vietnam, medan Jintan dan Helang di Sarawak untuk membekalkan gas kepada loji-loji MLNG serta projek membaikpulih loji di Bintulu. Bagi aktiviti hiliran pula, projek-projek utama termasuklah pembangunan saluran paip *Trans Thailand-Malaysia* yang akan menyalurkan gas dari Kawasan Pembangunan Bersama (KPB) ke Malaysia serta pembinaan kapal dan tangki gas asli cecair (LNG). Bagi Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. pula, perbelanjaan modal ditumpukan, terutamanya bagi menyiapkan pembinaan bangunan dan kuarters kakitangan kerajaan serta pembinaan bangunan komersil dan kerja infrastruktur seperti pembinaan jalan raya dan taman.

## Sektor Awam Disatukan

*Kedudukan kewangan sektor awam disatukan yang lebih baik...*

Kewangan sektor awam disatukan dijangka mencatat defisit yang jauh lebih kecil berjumlah

RM2,406 juta atau 0.5% KDNK (2003: RM4,772 juta; 1.2% KDNK), seperti di *Jadual 4.11*. Defisit yang lebih rendah menunjukkan kejayaan langkah yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk mengawal perbelanjaan serta peningkatan keuntungan dan lebihan PABK.

## Prospek 2005

*Tren konsolidasi fiskal dijangka berterusan...*

Prospek positif yang berterusan bagi kedua-dua ekonomi global dan domestik adalah faktor pendorong yang akan membolehkan Kerajaan meneruskan dasar konsolidasi fiskal bagi mengukuhkan lagi kedudukan kewangan. Dengan sektor swasta terus kukuh memainkan peranan sebagai peneraju utama di samping pelaburan swasta yang semakin meningkat, Kerajaan akan lebih memberi tumpuan bagi meningkatkan aksesibiliti dan kualiti perkhidmatan awam. Usaha yang lebih akan ditumpukan bagi meningkatkan lagi perkhidmatan sosial dan keselamatan, memperbaiki pengurusan alam sekitar dan pemeliharaan sumber, memupuk budaya, warisan dan nilai kekeluargaan serta menyokong pembangunan belia dan sukan.

JADUAL 4.11

### Kedudukan Kewangan Sektor Awam Disatukan 2003-2005

	RM juta			Perubahan (%)		
	2003	2004 <sup>1</sup>	2005 <sup>2</sup>	2003	2004	2005
Hasil <sup>3</sup>	107,055	112,904	115,139	-9.6	5.5	2.0
Perbelanjaan mengurus	84,163	102,291	100,170	-10.4	21.5	-2.1
Lebihan semasa PABK	55,651	51,688	53,894	-18.6	-7.1	4.3
<b>Baki semasa sektor awam</b>	<b>78,543</b>	<b>62,301</b>	<b>68,863</b>	<b>-15.2</b>	<b>-20.7</b>	<b>10.5</b>
Perbelanjaan pembangunan	83,315	64,707	64,125	-17.0	-22.3	-0.9
Sektor kerajaan <sup>4</sup>	43,155	31,253	32,984	-14.7	-27.6	5.5
PABK	40,160	33,454	31,141	-19.6	-16.7	-6.9
<b>Baki keseluruhan</b>	<b>-4,772</b>	<b>-2,406</b>	<b>4,738</b>	<b>-47.9</b>	<b>49.6</b>	<b>296.9</b>
<b>% kepada KDNK</b>	<b>-1.2</b>	<b>-0.5</b>	<b>1.0</b>			

<sup>1</sup> Anggaran disemak.

<sup>2</sup> Anggaran Bajet, tidak mengambil kira perubahan cukai 2005.

<sup>3</sup> Tidak termasuk bayaran pindahan di antara sektor kerajaan.

<sup>4</sup> Perbelanjaan pembangunan berbeza dengan perbelanjaan pembangunan di Jadual 4.9 disebabkan oleh bayaran pindahan dan pinjaman bersih.



Kewangan Kerajaan Persekutuan dijangka menunjukkan kedudukan yang semakin kukuh dan bertambah baik. Kedua-dua perbelanjaan mengurus dan pembangunan dijangka berkurang 4.2%, disebabkan tahun 2005 merupakan tahun baki siling RMKe-8 yang berjumlah RM170 bilion. Hasil Kerajaan dijangka kekal pada paras yang sama seperti tahun sebelumnya di mana kutipan hasil yang lebih tinggi pada 2004 berpunca daripada sumber *one-off*, terutamanya pendapatan pelaburan, tidak akan berulang lagi pada tahun 2005. Kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan dijangka terus bertambah baik dengan defisit keseluruhan menurun kepada 3.8% KDNK.

Kerajaan akan terus memberi penekanan ke atas kecekapan dan keberkesanan dalam pengurusan kewangannya. Sehubungan ini, usaha akan diambil bagi memantapkan lagi langkah percukaian serta meningkatkan pentadbiran dan penguatkuasaan kutipan cukai. Sebagai langkah jangka sederhana, Kerajaan sedang dalam proses melaksanakan penyemakan semula struktur dan sistem percukaian. Kecekapan perbelanjaan akan diperolehi dengan menyekat perbelanjaan yang berlebihan dan membazir, mengagihkan peruntukan yang lebih ketat melalui penilaian dan penganalisan terperinci mengikut saiz, skop dan kepentingan projek serta melaksanakan

projek berskala kecil yang dapat memberi manfaat kepada lebih ramai penduduk. Dalam hal ini, projek kecil seperti jalan luar bandar akan diberi keutamaan. Memandangkan teras Kerajaan adalah untuk mengurangkan jurang sosio-ekonomi antara bandar dan luar bandar, sebahagian besar daripada peruntukan akan diagihkan untuk sektor pertanian dan pembangunan luar bandar. Ini adalah selaras dengan hasrat untuk menjana semula sektor ini menjadi penyumbang ketiga pertumbuhan ekonomi.

Peruntukan ke atas utiliti dan kemudahan awam berjumlah RM1,796 juta juga akan diberi keutamaan, terutamanya untuk bekalan air dan elektrik, pembangunan komuniti serta projek alam sekitar. Pada 2005, peruntukan bagi perbelanjaan mengurus berjumlah RM89,141 juta dan pembangunan berjumlah RM28,304 juta.

Dengan prospek ekonomi yang lebih kukuh serta perbelanjaan berhemat dan pentadbiran cukai yang lebih kemas, kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan dan sektor awam disatukan dijangka akan terus bertambah baik. Defisit Kerajaan Persekutuan dianggarkan menurun kepada 3.8% KDNK, manakala sektor awam disatukan dijangka mencatatkan lebih sebanyak 1.0% KDNK.